

PM setuju SSB dikaji semula

UM 18 MAR 2001

KUALA LUMPUR 17 Mac — Dituk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan cadangan Kongres Kesatuan Pekerja Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) supaya jadual gaji matrik dalam Sistem Saraan Baru (SSB) dikaji semula dengan serta merta oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Seterusaha Agung CUEPACS Abdul Rahman Manan berkata Perdana Menteri memberi persetujuan itu sewaktu mengadakan pertemuan dengan pemimpin tertinggi kesatuan itu Rabu lalu di Putrajaya.

Beliau berkata keputusan itu dibuat setelah mendapati sejak hampir 10 tahun pelaksanaan SSB masih ramai kakitangan awam yang tidak dapat menerima minya.

Beliau berpendapat ada baiknya sistem jadual gaji matrik itu dipinda atau diubahsuai supaya ia dapat diterima oleh kakitangan awam secara keseluruhan.

Langkah itu juga bagi mengelakkan ada kakitangan awam terus merasa kecewa katanya kepada pemberita selepas mempenyetujui mesyuarat khas Jawatankuasa Cred Perubatan CUEPACS di sini hari ini.

Abdul Rahman menambah untuk memitikan perubahan yang

ingin dilakukan benar benar berkesan Dr Mahathir turut meminta CUEPACS berganding bahu dengan JPA dan kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang ada.

Beliau berkata berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pihaknya mendapati terdapat empat punca yang menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati kakitangan terhadap SSB.

Pertamanya ialah berkaitan penilaian prestasi tahunan yang dibuat pegawai penilai dan ketua jabatan tidak telus berlaku unsur unsur pilih kasih serta penyelewengan.

Prestasi

Keduanya kata Abdul Rahman ialah hampir 90 peratus kakitangan awam yang menunjukkan prestasi cemerlang setiap tahun namun cuma lima peratus sahaja yang menikmati gaji melintang dan menegak manakala yang lainnya mendatar walaupun mendapat markah melebihi 80 peratus.

Selain itu imbuan kenaikan gaji secara melintang dan menegak bagi pergerakan gaji P2 dan P3 pula akan dimikmati sehingga akhir hayat melalui pensen dan sebagainya.

Begitu juga ujarnya dengan mereka yang mendapat markah

prestasi yang tinggi bagi tempoh tiga tahun kebelakangan sahaja berpeluang dinaikkan pangkat sedangkan ada di antara mereka yang mendapat markah prestasi tinggi secara tidak telus pilih kasih atau penyelewengan yang dilakukan pegawai penilai atau ketua jabatan.

Abdul Rahman seterusnya berkata selaras dengan persetujuan Perdana Menteri itu CUEPACS akan mengemukakan cadangan balas terbaru dengan beberapa pilihan selepas diluluskan oleh mesyuarat Majlis Kongres CUEPACS pada 25 Mac ini.

Dalam pada itu beliau berkata kesatuan tersebut turut membahngkitkan beberapa cadangan kepada Dr Mahathir untuk kebaikkan kakitangan awam.

Antaranya ialah tentang melanjutkan usia persaraan kakitangan awam dari 55 kepada 58 tahun yang secara dasarnya telah dipersetujui Perdana Menteri di samping memohon elaun kritikal dibayar kepada kakitangan sokoongan yang lain dalam Kementerian Kesihatan.

Beliau telah setuju untuk menimbang bayaran elaun kritikal ini dan meminta CUEPACS mengemukakan memorandum untuk dikaji oleh kerajaan.

Kita akan hantar memorandum ini secepat mungkin kata Abdul Rahman.